

KATA KERJA TRANSITIF

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang diikuti oleh objek atau penyambut. Penyambut atau objek dalam kata kerja transitif boleh terdiri daripada satu atau dua dalam satu-satu ayat.

Kata Kerja Transitif dengan Satu Objek

Subjek	Predikat	
	Kata Kerja Transitif	Objek
Jurujual itu	melayan	pelanggan

Kata Kerja Transitif dengan Dua Objek

Subjek	Predikat		
	Kata Kerja Transitif	Objek Tepat	Objek Sipi
Kak Siti	membelikan	saya	buku itu

PERINGATAN:

1. Kebanyakan kata kerja transitif berawalan meN- dan mempeR- yang diikuti oleh objek yang dikenakan perbuatan manakala semua kata kerja berimbuhan meN-...kan, meN-...i, mempeR...kan dan mempeR...i ialah kata kerja transitif.

Contoh:

- i. Murid menyapu sampah.
- ii. Mereka menceritakan kehebatan pemedato itu.

2. Kata kerja seperti “menguning”, “menginap”, dan “melompat” merupakan kata kerja tak transitif kerana tidak mempunyai objek.

Contoh:

- i. Padi menguning.
- ii. Mereka menginap di inap desa
- iii. Adik melompat kegirangan.

(Perkataan “inap desa” dan “kegirangan” ialah keterangan, bukannya objek kerana objek ialah benda yang dikenakan perbuatan.)

3. Semua kata kerja transitif mesti diikuti oleh objek.

Contoh:

- i. Mereka membuat. X
- ii. Mereka membuat kerja. /

4. Semua kata kerja transitif, mesti diikuti terus oleh objek. Perkataan lain tidak boleh disisipkan antara kata kerja transitif dengan objek kecuali kata bilangan.

Contoh:

- i. Pencemaran meninggalkan dalam jangka masa panjang kesan yang sangat buruk. X
- ii. Pencemaran meninggalkan kesan yang sangat buruk dalam jangka masa panjang. /

iii. Pengurus itu menggajikan dua orang pekerja tambahan. /

5. Imbuhan yang tepat mesti digunakan.

Contoh:

- i. Asap mencemari alam sekitar.
- ii. Kilang itu mencemarkan alam sekitar.